

Malaysia mulai cabaran Sukan SEA dengan cemerlang

UM - 9 SEP 2009

KUALA LUMPUR 8 Sept. — Malaysia memulakan cabaran hari pertama dengan cemerlang apabila merangkul dua daripada empat pingat emas yang dipertandingkan pada Sukan SEA XXI yang bermula dengan rasminya hari ini.

Skwad gimnastik artistik lelaki negara mencipta kejutan apabila meraih pingat emas pertama negara menerusi acara berpasukan di Stadium Putra, Bukit Jalil.

Pasukan yang diketuai oleh Ng Shu Wai bersama Loke Yik Siang, Ooi Wei Siang, Heng Wah Jing, Mohd Irwan Mis-kob dan Onn Kwang Tung pada mulanya tidak dipertaruhkan harapan untuk meraih emas.

Begitupun, mereka memberi aksi terbaik untuk mengutip 208.350 mata, sekali gus mengatasi pencabar terdekat Thailand yang mengumpul 208.100 mata di tempat kedua.

Pingat gangsa acara itu menjadi milik Indonesia yang mengumpul 197.100 mata.

Malaysia yang meneruskan buruan emas, memperoleh kejayaan kedua menerusi atlet ekuestrian, Datuk Kamaruddin Abdul Ghani yang beraksi dalam acara merentas desa endurance sejauh 105 kilometer di Sepang.

Kamaruddin yang menunggang kuda Elsi de l'Aigoual, mencatat kepantasan 6 jam 49 minit dan 7 saat, membolehkannya berada di depan rakan sepasukannya, Nik Ishak Wan Abdullah yang menduduki tempat kedua dengan masa 8:08.00, manakala peserta Myanmar, Thein Win ketiga dengan catatan 8:26.00.

Sebaliknya, tirai pungutan pingat emas temasya edisi ke-21 menjadi milik barisan penembak wanita Indonesia yang dibarisi Sarmunah, Silimang dan Supadmi dalam acara trap akhir di Lapang Sasar Subang.

Trio Indonesia itu meraih emas pertama temasya dengan mencatat 188 sasaran berbanding pencabar terdekat mereka, Singapura yang dianggotai Goh Chung Wei, Aihni Samat dan Tan Poh

■ Lihat muka 4

Malaysia mulai cabaran Sukan SEA dengan cemerlang

Tian dengan kelebihan 30 sasaran.

Mereka meninggalkan Vietnam di tempat ketiga dengan catatan 158 untuk meraih gangsa.

Indonesia mempamerkan kecemerlangan untuk mendahului pungutan pingat hari pertama hasil kejayaan Sarmunah yang memenangi acara trap individu selepas menembak jatuh 88 sasaran keseluruhan.

Rakan sepasukannya, Sylvia Silimang memenangi perak dengan 86, manakala peserta Vietnam, Hoang Thi Tuat terpaksa berpuas hati dengan gangsa selepas mencatat 82.

Sementara itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad turut mengucapkan tahniah kepada pasukan negara yang telah memenangi pi-

ngat emas dalam acara ekuestrian lasak individu dan gimnastik.

Beliau juga berharap pasukan negara lain akan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencatat kejayaan meraih pingat emas dalam pelbagai acara sukan yang bermula hari ini hingga 17 September ini.

Dr. Mahathir berkata beliau gembira kerana pasukan negara berhasil mendapat pingat emas sebelum acara perasmian kejohanan bermula lagi.

"Bagus, tahniah kepada mereka, malam ini saya berasa gembira sikit pasal pada acara pembukaan, sudah dapat kemenangan," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra di Putrajaya.